

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. Kempen “**CIMB Clicks Bayar & Menang Merdeka Giveaway 2022**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” di sini merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank secara kolektif.

### Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **jam 00.01 (GMT+8)** pada **1 Julai 2022** hingga **jam 23.59 (GMT+8)** pada **30 September 2022**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan pelanggannya notis terdahulu tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar.

### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna baharu dan sedia ada aplikasi mudah alih CIMB Clicks, kecuali kategori orang/entiti yang disenaraikan di **Klausula 5** di sini.
5. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai dalam Kempen ini:-
  - (a) Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (contohnya pasangan suami isteri, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
  - (b) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen periklanan dan kempen, penjual pihak ketiga dan penyedia perkhidmatan) CIMB (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli keluarga terdekat (contohnya pasangan suami isteri, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja sedemikian; dan/atau
  - (c) Pelanggan yang memegang apa-apa akaun dengan CIMB yang berdelinkuen atau dalam kedudukan yang tidak baik seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB atas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak, atau akaun yang telah ditamat, digantung, dibatal, ditutup atau menjadi dormant semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (d) Perusahaan sederhana kecil/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi amal/bukan untung, persatuan dan perkongsian profesional; dan/atau

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

- (e) Pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau telah digulung, atau sebaliknya mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
- (f) Individu yang fikirannya tidak waras; dan/atau
- (g) Individu di bawah umur 18 tahun.

Dengan menyertai dalam Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesah bahawa beliau tidak terjatuh di bawah kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas. Pelanggan yang layak untuk menyertai dalam Kempen ini hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Peserta Layak”.

### Hadiah

6. Hadiah berikut (“**Hadiah**”) disediakan kepada pemenang terpilih Kempen ini:-

| Kitaran Kempen    | Tempoh Transaksi                     | Kategori Hadiah | Hadiah                                     | Bilangan Pemenang Bulanan |
|-------------------|--------------------------------------|-----------------|--|---------------------------|
| Kitaran Kempen 1: | 1 Julai 2022 – 31 Julai 2022         | Hadiah Utama    | iPad Pro-11 inci                           | 5                         |
|                   |                                      | Hadiah Kedua    | Tunai RM1000                               | 10                        |
|                   |                                      | Hadiah Ketiga   | PIN Tambah Nilai Touch n’ Go eWallet RM100 | 100                       |
|                   |                                      | Hadiah Saguhati | PIN Tambah Nilai Touch n’ Go eWallet RM10  | 1000                      |
| Kitaran Kempen 2: | 1 Ogos 2022 – 31 Ogos 2022           | Hadiah Utama    | iPad Pro-11 inci                           | 5                         |
|                   |                                      | Hadiah Kedua    | Tunai RM1000                               | 10                        |
|                   |                                      | Hadiah Ketiga   | PIN Tambah Nilai Touch n’ Go eWallet RM100 | 100                       |
|                   |                                      | Hadiah Saguhati | PIN Tambah Nilai Touch n’ Go eWallet RM10  | 1000                      |
| Kitaran Kempen 3: | 1 September 2022 – 30 September 2022 | Hadiah Utama    | iPad Pro-11 inci                           | 5                         |
|                   |                                      | Hadiah Kedua    | Tunai RM1000                               | 10                        |
|                   |                                      | Hadiah Ketiga   | PIN Tambah Nilai Touch n’ Go eWallet RM100 | 100                       |

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

|  |  |                 |   |      |
|--|--|-----------------|---|------|
|  |  | Hadiah Saguhati | PIN Tambah Nilai<br>Touch n’ Go<br>eWallet RM10 | 1000 |
|--|--|-----------------|---|------|

### Kriteria Kelayakan

7. Peserta Layak diperlukan untuk memperolehi penyertaan (“**Penyertaan**”) untuk mendapatkan peluang memenangi Hadiah dirujukkan di **Klausu 6** di atas dengan melakukan Transaksi Layak (selepas ini ditakrifkan di **Klausu 8** di bawah) yang disenaraikan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen dan dengan cara yang dinyatakan dalamnya:

| Jenis Transaksi       | Transaksi Layak   | Bilangan Penyertaan diperolehi | Pengganda Bonus  |
|-----------------------|---|--------------------------------|--|
| JomPAY                | Setiap Transaksi JomPAY Layak yang dilakukan melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks dengan <b>nilai minimum sebanyak RM10</b>                | 1                              | Jika Peserta Layak:<br>a. melakukan lebih daripada lima (5) Transaksi Layak dalam satu Kitaran Kempen; atau<br>b. merupakan seorang pengguna CIMB Clicks yang baru didaftarkan semasa Kitaran Kempen tertentu,<br><br>beliau akan layak kepada Pengganda Bonus, iaitu beliau akan layak memperolehi bilangan Penyertaan berganda (2x) yang beliau sepatutnya layak sebaliknya. |
| FPX                   | Setiap Transaksi FPX Layak yang dilakukan melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks dengan <b>nilai minimum sebanyak RM10</b>         | 1                              |  |
| Tambah Nilai Prabayar | Setiap Transaksi Tambah Nilai Prabayar Layak yang dilakukan melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks dengan <b>nilai minimum sebanyak RM10</b> | 1                              |  |

8. Untuk mengelakkan keraguan, “**Transaksi Layak**” hendaklah bermaksud: -

| Jenis Transaksi Layak             | Penerangan   |
|-----------------------------------|--|
| “ <b>Transaksi JomPAY Layak</b> ” | Pembayaran mana-mana bil atau invoice Pengebil JomPAY dengan berjaya melalui bahagian ‘JomPAY’ dalam <b>aplikasi mudah alih CIMB</b> |

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

|  |   |
|--|---|
|  | <b>Clicks</b> , dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 9</b> di bawah).  |
| <b>“Transaksi FPX Layak”</b>                   | Pembayaran kepada mana-mana pedagang FPX dengan berjaya melalui FPX dengan menggunakan <b>portal perbankan dalam talian CIMB Clicks</b> , dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 9</b> di bawah).    |
| <b>“Transaksi Tambah Nilai Prabayar Layak”</b> | Transaksi tambah nilai prabayar yang dilakukan dengan berjaya melalui bahagian ‘Tambah Nilai’ dalam <b>aplikasi mudah alih CIMB Clicks</b> , dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 9</b> di bawah). |

9. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan dengan menggunakan dana dari mana-mana akaun simpanan/-i CIMB, akaun semasa/-i CIMB, akaun kad kredit/-i CIMB dan/atau akaun kad prabayar CIMB Peserta Layak yang didaftarkan dengan CIMB untuk tujuan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (**“Akaun Penyertaan”**) sahaja.
10. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa (waktu Malaysia) transaksi seperti yang dirakamkan dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
11. Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak semasa satu Kitaran Kempen tertentu hanya akan diambil kira untuk Kitaran Kempen tersebut dan tidak boleh dibawa ke hadapan ke Kitaran Kempen seterusnya.
12. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa apa-apa penentuan oleh CIMB tentang sama ada apa-apa transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, terikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam apa-apa cara jua.

### Pemilihan Pemenang

13. Pada akhir setiap Kitaran Kempen, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menyenarai pendek satu senarai pemenang berpotensi dari kumpulan Peserta Layak yang memperolehi Penyertaan (secara kolektif dikenali sebagai **“Pemenang Berpotensi”**).
14. Pemenang Berpotensi yang nombor mudah alih didaftarkan dengan penyedia perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, DiGi, Tune Talk atau U Mobile dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (**“SMS”**). SMS tersebut akan mengandungi satu (1) soalan dan Pemenang Berpotensi akan diperlukan untuk menjawab soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS tersebut.

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

15. Lima (5) Pemenang Berpotensi pertama yang membalas SMS dengan jawapan yang betul dan mempunyai alamat surat-menyurat sah di Malaysia yang dikekalkan dalam rekod CIMB untuk menerima Hadiah Utama akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama (“**Pemenang Hadiah Utama**”). Untuk mengelakkan keraguan, hanya Pemenang Berpotensi yang mempunyai alamat surat-menyurat sah di Malaysia yang dikekalkan dalam rekod CIMB akan layak untuk memenangi Hadiah Utama di bawah Kempen ini.
16. Sepuluh (10) Pemenang Berpotensi seterusnya yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Kedua (“**Pemenang Hadiah Kedua**”).
17. Seratus (100) Pemenang Berpotensi seterusnya yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Ketiga (“**Pemenang Hadiah Ketiga**”).
18. Seribu (1000) Pemenang Berpotensi seterusnya yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Saguhati (“**Pemenang Hadiah Saguhati**”).  
  
(Pemenang Hadiah Utama, Pemenang Hadiah Kedua, Pemenang Hadiah Ketiga dan Pemenang Hadiah Saguhati hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Pemenang**”.)
19. Proses pemilihan pemenang dinyatakan di **Klausula 13** hingga **18** di atas akan dipakai dan diulangi bagi setiap Kitaran Kempen.
20. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk apa-apa caj parayauan terpakai yang ditanggung oleh Peserta Layak yang berada di luar Malaysia) akibat CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk yang sama.
21. Ia adalah tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk apa-apa kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah sekiranya nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau tidak dikemas kini.
22. Semua sesi soal dan jawab akan dihakim dan diputus oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah menjadi muktamad, terikat dan konklusif.

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

23. Seorang Peserta Layak berlayak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
24. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui e-mel atau SMS kepada e-mel atau nombor mudah alih Pemenang atau melalui “push notification” CIMB Clicks atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain, yang CIMB boleh pilih atas budi bicara mutlaknyanya.

### Pemenuhan Hadiah

25. Pemenuhan Hadiah:
  - (a) **Hadiah Utama**
    - (i) Hadiah Utama akan dihantar ke alamat surat-menyurat Malaysia Pemenang Hadiah Utama yang kini dikekalkan dengan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen oleh pengedar/ejen pihak ketiga yang dilantik oleh CIMB.
    - (ii) Pemenang Hadiah Utama di sini secara nyata bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedah butiran Pemenang Hadiah Utama (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat surat-menyurat mereka) kepada pengedar/ejen yang mungkin akan menghubungi Pemenang Hadiah Utama mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah Utama.
    - (iii) Imej Hadiah Utama yang ditunjukkan dan dipaparkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau pengiklanan untuk Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Warna/reka bentuk Hadiah Utama yang sebenarnya mungkin berbeza daripada imej yang ditunjukkan dan dipaparkan di bahan pemasaran dan/atau pengiklanan. Pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar warna, kapasiti penyimpanan, keterhubungan atau model Hadiah Utama.
    - (iii) Apple bukan peserta dalam atau penaja Kempen ini. Tiada apa-apa dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini boleh dianggap sebagai representasi bahawa mereka telah mengendorskan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau mana-mana produk CIMB.

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

(b) **Hadiah Kedua**

- (i) Hadiah Kedua akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang Hadiah Kedua (seperti yang boleh dipilih oleh CIMB atas budi bicara mutlakny) dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
- (ii) Mana-mana Pemenang Hadiah Kedua yang Akaun Penyertaan dengan CIMB telah ditamat, digantung, dibatal, ditutup atau menjadi dormant sebelum pengkreditan Hadiah Kedua tidak akan layak untuk menerima Hadiah Kedua di bawah Kempen.

(c) **Hadiah Ketiga**

- (i) Hadiah Ketiga akan dianugerah kepada Pemenang Hadiah Ketiga dalam bentuk kod PIN tambah nilai elektronik yang dihantar melalui SMS/”push notification”/e-mel (caranya akan dipilih oleh CIMB atas budi bicara mutlakny) dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
- (ii) Hadiah Ketiga mestilah ditebus dalam tempoh sah yang ditetapkan oleh Pemenang Hadiah Ketiga, kegagalan di mana Hadiah Ketiga mungkin akan ditarik balik oleh penyedia berkenaan secara automatik tanpa notis selanjutnya dan terdahulu kepada Pemenang Hadiah Ketiga dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti Hadiah Ketiga yang telah ditarik balik kepada Pemenang Hadiah Ketiga di bawah apa-apa situasi jua.

(d) **Hadiah Saguhati**

- (i) Hadiah Saguhati akan dihantar kepada Pemenang Hadiah Saguhati dalam bentuk kod PIN tambah nilai elektronik melalui SMS/”push notification”/ e-mel (caranya akan dipilih oleh CIMB atas budi bicara mutlakny) dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
- (ii) Hadiah Saguhati mestilah ditebus dalam tempoh sah yang ditetapkan oleh Pemenang Hadiah Saguhati, kegagalan di mana Hadiah Saguhati mungkin akan ditarik balik oleh penyedia berkenaan secara automatik tanpa notis selanjutnya atau terdahulu kepada Pemenang Hadiah Saguhati dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti Hadiah Saguhati yang telah ditarik balik kepada Pemenang Hadiah Saguhati di bawah apa-apa situasi jua.

## **KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

26. Hadiah tidak boleh dipindahmilik kepada mana-mana pihak ketiga, menukar untuk hadiah atau ganjaran lain yang mempunyai nilai setara atau apa-apa alternatif lain dalam apa-apa situasi. CIMB tidak akan layan apa-apa permintaan daripada Pemenang untuk menghantar Hadiah Utama, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati ke e-mel/nombor mudah alih/alamat lain (sebagaimana yang berkenaan) dan CIMB juga tidak akan layan apa-apa permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah Kedua ke mana-mana akaun CIMB lain mereka, atau mana-mana akaun lain yang dikekal dengan bank lain, atau mana-mana akaun bank pihak ketiga lain.
27. Pemenang yang Akaun Penyertaan dengan CIMB telah ditamat, digantung, dibatal, ditutup atau menjadi dorman sebelum Hadiah telah dianugerahkan kepada beliau di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk menerima Hadiah di bawah Kempen ini.
28. Atas permintaan CIMB, Pemenang hendaklah menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain semasa dan apabila diperlukan atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri. Jika mana-mana Pemenang gagal menghadiri majlis tersebut dan/atau program publisiti lain, CIMB merizabkan hak untuk menarik balik Hadiah dan memilih Pemenang alternatif.
29. CIMB juga merizabkan hak untuk menerbit atau memapar nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang ia anggap sesuai dan dengan menyertai dalam Kempen ini, Pemenang di sini secara nyata memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB akan mempunyai kebebasan untuk menerbit dan/atau memapar bahan dan/atau maklumat tersebut. Ketidakpatuhan mungkin akan mengakibatkan Pemenang alternatif dipilih.
30. Di mana Hadiah ditawarkan dan/atau disedukan semata-mata oleh penyedia berkenaan, ia hendaklah tertakluk kepadaterma-terma dan syarat-syarat tersebut sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh penyedia tersebut. CIMB tidak akan terima tanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk apa-apa kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang mungkin dialami oleh Pemenang atau mana-mana pihak ketiga akibat daripada atau berkaitan dengan penggunaan Hadiah, walaupun CIMB pernah dinasihati tentang kemungkinan ganti rugi tersebut, jika ada, terdahulu, dan semua ganti rugi tersebut adalah secara nyata dikecualikan melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecauaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
31. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, secara bertulis atau lisan, tentang Hadiah.



## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

32. CIMB tidak akan layan sebarang aduan berkaitan dengan Hadiah. Kemasukan Hadiah dalam Kempen ini tidak akan ditafsirkan sebagai pengendorsan atau cadangan yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB berkenaan dengan Hadiah hanyalah membayar harga untuk yang sama kepada penyedia berkenaan.
33. CIMB merizabkan hak untuk menarik balik Hadiah dalam keadaan di mana terdapat pembalikan bayaran untuk Transaksi Layak.
34. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkenaan dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk apa-apa fi, levi atau cukai terpakai yang dikenakan atau akan dikenakan hendaklah dan kekal liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
35. Dengan penerimaan Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan ahli gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen mereka masing-masing daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang berkaitan dengan:-
  - (i) penyertaan dalam Kempen; atau
  - (ii) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah, oleh Peserta Layak tersebut. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah diandaikan oleh Peserta Layak.
36. CIMB tidak menerima tanggungjawab untuk apa-apa implikasi cukai yang mungkin berbangkit daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Hadiah kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia merupakan tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi berpotensi ini terhadap keadaan kewangan beliau sendiri.

### Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

37. Dengan menyertai dalam Kempen ini, Peserta Layak adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mengikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedah data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

38. Akaun Penyertaan Peserta Layak dengan CIMB (i) MESTILAH tidak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan dengan CIMB DAN (ii) MESTILAH tidak dtamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahan, perintah bertentangan yang diberikan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang, menjadi delinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatal seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan atau pemenuhan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan ditarik balik.
39. CIMB merizabkan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau telah bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
40. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan benda lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana jua orang lain untuk mendapatkan tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
41. Dengan menyertai dalam Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa-apa cara jua bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya di sini, yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran, kegagalan elektronik, pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan, apa-apa bencana alam (“*act of God*”) di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
42. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi dalam apa-apa sifat jua dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) walau bagaimanapun berbangkit, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini termasuk apa-apa kerugian yang berbangkit daripada kegagalan

## KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan semata-mata oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

43. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan tambahan, padaman, ubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) (“**Pindaan**”) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan atas budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu cara pemberitahuan berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau laman web CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) di mana butiran peruntukan mengenai Pindaan mungkin diberikan di notis tersebut atau mungkin diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan memaparkan iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan hendaklah dianggap mengikat terhadap Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks dan/atau laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pengubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
44. Tiada pampasan secara tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pindaan atas Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
45. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa mengikut **Klausula 43** di atas) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat adalah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal akaun Peserta Layak dengan CIMB yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
46. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kluatir, isu atau aduan oleh Peserta Layak mengenai akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa perkara berkenaan dengan akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank.
47. Terma-Terma dan Syarat-Syarat hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubalkan dan/atau mana-

## **KEMPEN “CIMB CLICKS BAYAR & MENANG MERDEKA GIVEAWAY 2022” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan atau yang diguna pakai kepada Kempen atau apa-apa perkara di sini.

48. Jika terdapat ketidakselarasan, konflik, ketidakjelasan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan diguna pakai. Walau apa pun yang disebutkan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan diambil maklum dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai.
49. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat surat-menyurat dan e-mel dan nombor-nombor telefon dan faksimile berikut (atau mempunyai alamat surat-menyurat dan e-mel dan nombor-nombor telefon dan faksimile lain yang CIMB boleh ubah dengan pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).